

Fahami prosedur rawatan, perubahan bantu masyarakat: Dr Christina

KOTA KINABALU: Warga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri ini disaran terus meningkatkan mutu perkhidmatan merangkumi aspek rawatan dan perubahan kepada masyarakat dengan memahami protokol perubatan semasa dan menghayati prosedur serta fasiliti perubatan yang tersedia.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Datuk Dr. Christina Rundi berkata setiap warga di bawah KKM khususnya yang bertugas di hospital mempunyai kelebihan kerana mereka lebih mampu menyelami sebarang keresahan dan kekusaran pesakit sekiranya memahami prose-

dur rawatan dan protokol perubatan semasa berbanding masyarakat umum.

"Sehubungan itu gunakan kelebihan ini dengan memberi berkhidmat penuh bijaksana berpandukan prosedur yang ditetapkan dan hindari diri dari sebarang prasangka negatif yang mampu mengundang kecaman, keselamatan seterusnya menjejaskan imej dan reputasi organisasi," kata Christina.

Dr. Christina berkata demikian semasa merasmikan Seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Fasiliti Perubatan anjuran Unit Keselamatan Jabatan Kesihatan Negeri

Sabah dengan kerjasama Unit Keselamatan Awam HQE bertempat di Auditorium Hospital Queen Elizabeth (HQE) pada pagi Isnin baru-baru ini.

Lebih 100 peserta terdiri dari kalangan pegawai-pegawai kesihatan negeri dan daerah pelbagai jawatan hadir pada seminar yang berlangsung selama dua hari berlangsung 7 hingga 8 Ogos.

Seminar itu antara lain memberi pendedahan kepada para peserta berhubung tugas dan tanggungjawab penyelaras keselamatan dan kesihatan pekerja (OSH) pada peringkat hospital dan klinik.

Antara kertas kerja yang dibentangkan termasuklah garis panduan menangani kekerasan pelanggan terhadap petugas KKM serta garis panduan berhubung keselamatan kebakaran di hospital.


Hadir sama pada majlis Tim-



PERLINDUNGAN ... Penggunaan sarung tangan antara aspek kebersihan dan perlindungan yang perlu diberi penekanan kalangan petugas di bawah kementerian kesihatan.

balan Pengarah Kesihatan Negeri, Dr. William Gotulis serta Ketua Unit Keselamatan Awam HQE, Dr. Avinash

K. Chand yang turut bertindak sebagai pembentang kertas kerja seminar.



LAWAT PAMERAN ... Dr. Christina diiringi Dr. Avinash ketika melawat ke pusat pameran seminar menyaksikan statistik anggota hospital yang menerima rawatan dan perlindungan semasa bertugas.



ALBUM ... Dr. Christina merakam gambar bersama peserta sejezus menyempurnakan perasmian seminar Keselamatan dan Kesihatan Pekerja di Fasiliti Perubatan.